

Pelajaran Pertama

BERIMAN DENGAN QADA' DAN QADAR

Takrif Qada' dan Qadar

Mengikut **Asya'irah** :

Qada' ialah kehendak Allah swt pada sesuatu perkara semenjak azali mengikut hakikatnya dan tidak berubah.

Qadar ialah Allah swt menjadikan sesuatu perkara mengikut ketentuan yang tertentu dan bentuk tertentu yang dikehendaki oleh Allah swt.

Mengikut al **Maturidiyah** :

Qada' ialah Allah swt menjadikan sesuatu semenjak azali mengikut ilmunya.

Qadar ialah ilmu Allah swt semenjak azali berkaitan dengan semua makhluk dan sifat-sifatnya.

*** Catatan :**

Dengan kata lain, kita boleh katakana bahawa Allah swt menciptakan sesuatu dan menentukan kadar dan masanya mengikut ketentuannya berdasarkan apa yang dikehendaki Allah swt mengikut kehendakNya dan menepati apa yang ada dalam ilmu Allah sebelum diciptakannya. Sesuatu itu tidak ada secara sembarangan dan kebetulan, bahkan ianya ada mengikut ketentuan Allah swt yang telah terdahulu pada ilmunya.

Erti beriman dengan qada' dan qadar ialah menyakini bahawa semua perkara yang berlaku kepada Manusia dan makhluk-makhluk yang lain berlaku mengikut qada' dan qadar Allah swt sama ada baik atau buruk, sama ada secara pilihan atau paksaan atau perkara-perkara lain yang berkitan alam semesta ini. Tidak berlaku satu pun dalam alam zahir dan alam ghaib ini walaupun sekalipun mata kecuali dengan qada' dan qadar Allah swt. Tidak boleh menolak ketentuan Allah dan tidak boleh mengingkari (mengkritik) keputusan/hukumNya.

الإيمان بالقضاء والقدر

تعريف القضاء والقدر

عند الأشاعرة

القضاء : إرادة الله سبحانه وتعالى الأشياء في الأزل على ما هي عليه لا يزال.

القدر : إيجاد الله سبحانه وتعالى الأشياء على قدر مخصوص ووجه معين أرادته تعالى.

عند الماتريدية

القضاء : إيجاده الأشياء على حسب علمه في الأزل.

القدر : علم الله سبحانه وتعالى أزلا بكل مخلوق وصفاته.

*** ملاحظة**

وبعبارة أخرى نقول إن الله سبحانه وتعالى خلق الأشياء ومقاديرها وأزمانها بقدرته على حسب ما أرادها الله سبحانه وتعالى بإرادته مطابقا لما علمها الله سبحانه وتعالى قبل إيجادها، فالأشياء لم توجد اعتباطا ومصادفة، بل توجد وفق تقدير الله سبحانه وتعالى الذي سبق في علمه.

ومعنى الإيمان بالقضاء والقدر هو الاعتقاد بأن جميع ما وقع للإنسان ولغيره من المخلوقات واقع بقضاء وقدر من الله سبحانه وتعالى خيرا كان أو شرا، اختياريا أو اضطراريا أو غير ذلك من الأمور الكونية، فلا يجري في الفلك والملكوت شيء طرفه عين إلا بقضاء وقدر الله سبحانه وتعالى، لا رادّ لقضائه ولا معقب لحكمه.

Dalil Naqli Dan Akal Tentang Wajib Beriman Dengan Qada' Dan Qadar

Hukum beriman dengan qada' dan qadar adalah wajib ke atas setiap mukallaf kerana ia adalah satu rukun daripada rukun iman yang enam.

Keperluan beriman dengan kedua-duanya adalah lahir dari dua dalil berikut:

Dalil Naqli iaitu hadis Jibril yang terkenal :

Dari Umar bin al Khattab r.a berkata : Jibrail a.s bertanya kepada Rasulullah s.a.w tentang iman. Jibril a.s bertanya: Beritahu kepadaku tentang iman. Baginda s.a.w menjawab: Iman itu ialah kamu beriman dengan Allah S.W.T, malaikat-malaikat, kitab-kitab, rasul-rasul, Hari akirat dan kamu beriman dengan takdir yang berlaku sama ada baik atau buruk. Hadith riwayat Muslim

Dalil Akal Tentang Wajib Beriman Dengan Qada' Dan Qadar :

Sekiranya tidak ada satu pun daripada makhluk-makhluk yang wujud ini berkait dengan ciptaan Allah swt dan qadarnya nescaya tidak bersifat Allah dengan sifat kesempurnaan dan pasti perkara tersebut adalah hasil / kesan yang bersingan dari selain Allah swt. Ini adalah mustahil sebagaimana yang anda ketahui sebelum ini melalui dalil naqli yang kukuh (pasti dan tidak berubah-ubah) iaitu firman Allah swt: "dan Dia telah menciptakan segala sesuatu, dan dia menetapkan ukuran-ukurannya dengan serapi-rapinya".

Surah al Furqan 25 : 2

Ini adalah perkara yang dipegang seluruh ahli Sunnah wal Jamaah.

* Maklumat Tambahan :

Ibnu Hajar (beliau adalah bermazhab Asy'ari) menyebut takrif qada' dalam ulasannya kepada hadis Umar bin al Khattab tentang iman. Beliau berkata : Qada' ialah ilmu Allah pada azali berkait dengan sesuatu pada hakikatnya dan Qadar pula ialah Allah menjadikannya mengikut perkara yang menepati ilmuya.

الدليل النقلي والعقلي على وجوب الإيمان بالقضاء والقدر

حكم الإيمان بالقضاء والقدر واجب على كل مكلف لأنه ركن من أركان الإيمان الستة. وتتفرع ضرورة الإيمان بهما من دليلين اثنين:

الدليل النقلي حديث جبريل المشهور:

عن عمر بن الخطاب رضي الله عنه قال: سأل جبريل رسول الله صلى الله عليه وسلم عن الإيمان قال: فأخبرني عن الإيمان فقال: أن تؤمن بالله وملائكته وكتبه ورسله واليوم الآخر وتؤمن بالقدر خيره وشره. رواه مسلم

الدليل العقلي على وجوب الإيمان بالقضاء والقدر:

إذ لو لم يكن شيء من الحوادث الموجودة بخلق الله سبحانه وتعالى وقدره، لما اتصف إذا بكل صفات الكمال وكان ذلك بتأثير مستقل من غيره وهو محال، كما قد علمته سابقا

بالدليل النقلي القاطع، وهو قوله تعالى: **وَخَلَقَ كُلَّ شَيْءٍ فَقَدَرَهُ تَقْدِيرًا** ﴿٢٥﴾

سورة الفرقان ٢٥ : ٢

هذا ما عليه عامة أهل السنة والجماعة.

* معلومة زائدة

وقد ذكر ابن حجر (وهو أشعري المذهب) تعريف القضاء في شرحه على حديث عمر بن الخطاب عن الإيمان فقال: القضاء علم الله أولا بالأشياء على ما هي عليه والقدر إيجاد إياه على ما يطابق العلم.

Hikmah Beriman Dengan Qada' Dan Qadar

- 1- Menambahkan keyakinan kepada kekuasaan Allah swt dan kehendaknya.
- 2- Berserah dan redha (menerima dengan hati yang lapang) dengan qada' dan qadar (ketentuan Allah swt).
- 3- Tidak meninggalkan ikhtiar dan usaha yang diperintah Allah swt.
- 4- Bertawakkal kepada Allah swt pada perkara yang telah ditetapkan Allah swt.
- 5- Beriman dengan kedua-duanya (qada' dan qadar) tidak akan membawa kepada sikap berserah kepada Allah swt tanpa berusaha, bermalas-malasan dan melakukan maksiat.

* Peringatan

Wahai pelajar, orang yang beriman mengetahui bahawa apa yang berlaku mengikut qada' dan qadar Allah swt semuanya adalah baik. Sebenarnya tidak ada sedikit pun keburukan. Oleh sebab itulah orang yang beriman jiwanya teguh, tenang dan bahagia ketika mendapat nikmat atau musibah.

حكمة الإيمان بالقضاء والقدر

- ١- زيادة اليقين لقدرة الله سبحانه وتعالى ومشيئته.
- ٢- التسليم والرضا بالقضاء والقدر.
- ٣- عدم ترك أسباب الكسب التي أمر بها الله سبحانه وتعالى
- ٤- التوكل على الله سبحانه وتعالى فيما يقضيه الله سبحانه وتعالى.
- ٥- الإيمان بهما لا يؤدي إلى التواكل والتكاسل والمعاصي.

* التذكرة

أيها الطالب، المؤمن يعلم أن ما يجري به القضاء والقدر كله خير، وليس شيء منه في الحقيقة شراً. ولذلك يكون المؤمن مستقر النفس، مطمئناً سعيداً في حالتي النعمة والمصيبة.

BERIMAN DENGAN RASUL

Takrif Nabi dan RasulNabi

Nabi dari sudut bahasa diambil dari perkataan naba' bererti berita. Maksudnya ialah sampai berita daripada Allah swt melalui jalan wahyu kepada orang yang dipilih oleh Allah swt di kalangan hambaNya.

Nabi dari sudut syara' pula ialah seorang lelaki yang merdeka di kalangan bani Adam yang sejahtera daripada perkara yang menjijikkan yang diwahyukan oleh Allah swt kepadanya dengan hokum syara' untuk diamalkan dan tidak diperintah untuk menyampaikannya kepada orang lain.

Rasul

Rasul dari sudut bahasa bererti Allah memberi tanggungjawab kepada salah seorang daripada hambaNya supaya menyampaikan kepada orang lain dengan syariat atau hokum tertentu.

Rasul dari sudut syara' pula ialah seorang lelaki yang merdeka di kalangan bani Adam yang sejahtera daripada perkara yang menjijikkan yang diwahyukan oleh Allah swt kepadanya dengan hokum syara' untuk diamalkan dan diperintah untuk menyampaikannya kepada orang lain.

Apabila anda memerhati takrif ini maka anda akan mengetahui perkara berikut:

- 1- Tidak ada nabi dan rasul itu di kalangan wanita, hamba dan tidak juga ada pada kedua-duanya perkara yang menjijikkan yang menyebabkan orang ramai lari daripadanya seperti penyakit tertentu dan lain-lainnya.
- 2- Tidak ada ruang bagi wahyu ini pada asalnya kecuali (nabi dan rasul itu) dalam keadaan betul-betul sedar, begitu juga wahyu tidak merangkumi ilham dan firasat.

الإيمان بالرسول

أ) تعريف النبي والرسول

النبي

لغة : مأخوذة من النبأ بمعنى الخبر، ومعناها وصل خبر من الله سبحانه وتعالى بطريق الوحي إلى من اختاره من عباده.

شرعا: هو إنسان ذكر حر من بني آدم سليم عن مُنْقَرٍ طبعاً أوحى الله سبحانه وتعالى إليه بحكم شرعي يعمل به ولم يؤمر بتبليغه.

الرسول

لغة : تعني تكليف الله سبحانه وتعالى أحد عباده بإبلاغ الآخرين بشرع أو حكم معين.

شرعا: هو إنسان ذكر حر من بني آدم سليم عن مُنْقَرٍ طبعاً أوحى الله سبحانه وتعالى إليه بحكم شرعي يعمل به ويؤمر بتبليغه.

وإذا تأملت هذا التعريف، علمت ما يلي:

- ١- لا يكون النبي والرسول امرأة ولا عبدا ولا يكون في كل منها شيء يَنْفِرُ الناس طبعاً من مرض وغيره.
- ٢- لا مجال لهذا الوحي في ابتدائه إلا حال لليقظة التامة كما أن الوحي لا يشمل الإلهام والفراسة.

* Maklumat Tambahan

Kenabian itu apabila dimaksudkan kepada hubungan yang menghubungkan antara nabi dan penciptanya maka ia adalah hubungan wahyu dan perkhbaran (berita). Manakala kerasulan itu apabila dimaksudkan kepada hubungan nabi dan manusia lain maka ia adalah hubungan kebangkitan sebagai rasul dan kerasulan.

Dalil Naqli dan Akal tentang wajib beriman dengan para rasul a.s

Dalil Naqli (al Quran dan Hadis)

Sesungguhnya umat terdahulu telah ada para nabi yang bukan sebagai rasul tetapi kita tidak tahu nama mereka secara jelas dan yakin, kerana ianya tidak disebut di dalam al Quran dan juga hadis sahih. Namum kita wajib beriman dengan para nabi dan rasul a.s kerana ia adalah satu rukun dripada rukun-rukun iman dn sesiapa yang mengingkarinya akan kufur, sebagaimana firman Allah swt :

"Rasul Telah beriman kepada Al Quran yang diturunkan kepadanya dari Tuhannya, demikian pula orang-orang yang beriman. semuanya beriman kepada Allah, malaikat-malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya dan rasul-rasul-Nya. (mereka mengatakan): "Kami tidak membeda-bedakan antara seseorangpun (dengan yang lain) dari rasul-rasul-Nya", dan mereka mengatakan: "Kami dengar dan kami taat." (mereka berdoa): "Ampunilah kami Ya Tuhan kami dan kepada Engkaulah tempat kembali." Surah al Baqarah 2 : 285

Rasulullah saw juga memberitahu kepada kita di dalam hadis:

Daripada Abu Hurairah, bahawa Rasulullah saw bersabda: *"Perumpamaan diriku dengan para nabi sebelumku adalah seumpama seseorang yang membina sebuah rumah. Lalu ia memperelokkannya dan mengindahkannya, kecuali satu bata di sebuah sudutnya. Lalu orang ramai mengelilingi rumah itu, dan mereka mengaguminya, kemudian berkata, 'Seandainya tidak karena satu bata ini, (yang tidak disempurnakan lagi tentulah rumah ini sudah sempurna)'. Dan akulah bata tersebut, akulah penutup para nabi".* Hadis riwayat Bukhari dan Muslim

* معلومة زائدة

النبوة إذا كانت تفسيراً للعلامة التي بين النبي والخالق سبحانه وتعالى فهي علاقة الوحي والأنبياء. وأما الرسالة إذا كانت تفسيراً للعلاقة بين النبي وسائر الناس فهي علاقة البعث والرسالة.

ب) الدليل النقلى والعقلى على وجوب الإيمان بالرسول عليهم السلام

الدليل النقلى

وقد كان فيما مضى من الأمم الأنبياء ليسوا رسلاً لكن لا نعرف أسماءهم معرفة جازمة، لأنها لم ترد في القرآن الكريم ولا في السنة الصحيحة، إلا أنه يجب علينا الإيمان بالأنبياء والرسول عليهم السلام لأنه ركن من أركان الإيمان ومن أنكره كَفَرَ. كما قال الله سبحانه وتعالى بقوله:

أَمَّنَ الرَّسُولُ بِمَا أُنزِلَ إِلَيْهِ مِنْ رَبِّهِ وَالْمُؤْمِنُونَ ۗ كُلٌّ آمَنَ بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَكُتُبِهِ وَرُسُلِهِ لَا نُفَرِّقُ بَيْنَ أَحَدٍ مِنْ رُسُلِهِ ۗ وَقَالُوا سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا ۗ غُفْرَانَكَ رَبَّنَا وَإِلَيْكَ الْمَصِيرُ ﴿ سورة البقرة ٢ : ٢٨٥

وكما أخبرنا الرسول الله ﷺ في الحديث:

عن أبي هريرة رضي الله عنه ، أن رسول الله ﷺ قال: "مثلي ومثل الأنبياء من قبلي كمثل رجل بنى بيتاً فأحسنه وأجمله إلا موضع لبنة من زاوية، فجعل الناس يطوفون به، ويعجبون منه، ويقولون: لولا هذه اللبنة، فأنا اللبنة، وأنا خاتم النبيين". رواه البخاري ومسلم.

Allah swt menyebut di dalam al Quran 25 nama nabi yng diutuskan. Mereka ini wajib diimani dengan kenabian mereka secara terperinci. Maksudnya tidak boleh seorang Islam, apabila ditanya kepadanya tentang salah seorang dari nabi ini maka di tidak tahu atau tidak tahu nama tersebut adalah nabi.

Nama-Nama Para Rasul A.S

- | | | |
|-------------------------|------------------|-------------------|
| 1. Nabi Adam | 2. Nabi Idris | 3. Nabi Nuh |
| 4. Nabi Hud | 5. Nabi Soleh | 6. Nabi Ibrahim |
| 7. Nabi Lut | 8. Nabi Ismail | 9. Nabi Ishak |
| 10. Nabi Ya'kub | 11. Nabi Yusuf | 12. Nabi Ayub |
| 13. Nabi Syuaib | 14. Nabi Musa | 15. Nabi Harun |
| 16. Nabi Zulkifli | 17. Nabi Daud | 18. Nabi Sulaiman |
| 19. Nabi Ilyas | 20. Nabi Ilyasa' | 21. Nabi Yunus |
| 22. Nabi Zakaria | 23. Nabi Yahya | 24. Nabi Isa |
| 25. Nabi Muhammad s.a.w | | |

Di sana terdapat nabi-nabi lain yang tidak dinyatakan dalam al Quran secara terperinci dan tidak juga dicerita kepada kita sedikitpun tentang perkhabaran mereka, tetapi ianya diceritakan secara umum sahaja. Maka kita wajib juga beriman dengan mereka secara umum. Maksudnya kita menyakini bahawa Allah swt mengutuskan rasul dan nabi yang ramai kepada setiap umat dan kumpulan manusia di pelbagai tempat dan masa.

Bagi menyatakan perkara ini Allah swt berfirman:

"Dan Sesungguhnya Telah kami utus beberapa orang Rasul sebelum kamu, di antara mereka ada yang kami ceritakan kepadamu dan di antara mereka ada (pula) yang tidak kami ceritakan kepadamu". Surah Ghafir 40 : 78

ذكر الله سبحانه وتعالى في القرآن الكريم أسماء خمسة وعشرين نبيا مرسلًا، فهؤلاء يجب الاعتقاد بنبوتهم تفصيلا، ومعنى ذلك أنه لا يجوز للمسلم إذا ما سئل عن واحد من هؤلاء، أن يجهره أو يجهل كونه نبيا.

أسماء الرسل عليهم السلام:

- | | | | | |
|---------------|------------|-------------|------------|-------------|
| (١) آدم | (٢) إدريس | (٣) نوح | (٤) هود | (٥) صالح |
| (٦) إبراهيم | (٧) لوط | (٨) إسماعيل | (٩) إسحاق | (١٠) يعقوب |
| (١١) يوسف | (١٢) أيوب | (١٣) شعيب | (١٤) موسى | (١٥) هارون |
| (١٦) ذو الكفل | (١٧) داود | (١٨) سليمان | (١٩) إلياس | (٢٠) إيسع |
| (٢١) يونس | (٢٢) زكريا | (٢٣) يحيى | (٢٤) عيسى | (٢٥) محمد ﷺ |

وهناك أنبياء آخرون لم يتعرض القرآن لذكرهم تفصيلا ولم يقص علينا شيئا من أخبارهم ولكن أخبرنا عنهم في الجملة. فيجب الإيمان بهم أيضا في الجملة، يعني نوقن بأن الله سبحانه وتعالى أرسل رسلا وأنبياء كثيرين إلى كل أمة وجماعة، وفي مختلف الأمكنة والعصور.

وفي إثبات هذا يقول الله سبحانه وتعالى:

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا رُسُلًا مِّن قَبْلِكَ مِّن قَصَصْنَا عَلَيْكَ وَمِنْهُمْ مَّن لَّمْ نَقْصُصْ عَلَيْكَ

سورة غافر ٤٠ : ٧٨

Dalil Akal

Manusia amat memerlukan kepada risalah ketuhanan yang menerangkan kepada mereka dan menunjukkan mereka kepada kebenaran. Manusia tidak mampu untuk mengetahui perkara tersebut secara terperinci dan bahagian-bahagiannya, menunaikan ibadat dan cara-cara pelaksanaannya melainkan melalui wahyu dan risalah Allah swt. Begitu juga tidak ada jalan kepada kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan akhirat kecuali melalui para rasul a.s. tidak ada cara untuk mengetahui perkara baik dan buruk secara halusanya kecuali melalui mereka (para rasul).

Perbezaan Antara Nabi Dan Rasul

NABI	RASUL
Tidak dipertanggungjawabkan untuk menyampaikan (perintah Allah swt)	Dipertanggungjawabkan untuk menyampaikan (perintah Allah swt)
Tidaklah setiap nabi itu rasul	Setiap rasul itu adalah nabi

Sifat-Sifat Wajib Bagi Para Rasul

Setiap *mukallaf* wajib mengetahui perkara yang wajib pada hak para nabi dan rasul. Dimaksudkan dengan perkara yang wajib di sini ialah wajib pada akal iaitu tidak tergambar pada akal tidak wujud perkara tersebut.

Sifat yang wajib untuk mereka ada 4 perkara iaitu:

1- Sifat benar

Iaitu menepati khabar/berita dengan keadaan sebenar. Maka wajib bagi para rasul a.s bersifat benar dalam pengakuannya sebagai rasul dan pada perkara yang mereka sampaikan daripada Allah swt dan pada semua tutur kata mereka.

2- Sifat Amanah

Iaitu terpelihara dengan erti bahawa Allah swt menjaga lahir dan batin mereka semasa kecil dan dewasa sebelum menjadi nabi dan selepasnya daripada setiap perbuatan yang dilarang walaupun larangan yang makruh. Mereka tidak akan melakukan perkara haram, makruh dan khilaf aul (meninggalkan perkara yang lebih baik).

الدليل العقلي

فإنه لا بد للناس من رسالة ربانية تبين لهم الشرائع وتهديهم إلى الصواب، ولا يمكنه معرفة تفصيل ذلك وجزئيات، وأداء العبادات وكيفياتها إلا عن طريق الوحي والرسالة. كما أنه لا سبيل إلى السعادة والفلاح في الدارين إلا على أيدي الرسل عليه السلام، ولا سبيل إلى معرفة الطيب والخبيث على وجه الدقة إلا من طريقهم.

الفرق بين النبي والرسول

الرسول	النبي
تكليفه بالتبليغ	عدم تكليفه بالتبليغ
كل رسول نبي	ليس كل نبي رسولا

صفات الرسل عليه السلام الواجبة

يجب على المكلف أن يعرف الواجب في حق الأنبياء والرسل. والمراد بالواجب هنا هو الواجب العقلي وهو ما لا يتصور العقل عدم وجوده. فالصفات الواجبة لهم أربع وهي:

١- الصدق

وهو مطابقة الخبر للواقع. فيجب للرسل عليه السلام الصدق في دعوى الرسالة وفيما يبلغونه عن الله سبحانه وتعالى وفي جميع أقوالهم.

٢- الأمانة

أي العصمة، بمعنى أن الله سبحانه وتعالى حفظ ظواهرهم وبواطنهم في الصغر والكبر قبل النبوة وبعدها من كل عمل منهي عنه ولو نهي كراهة، فلا يفعلون محرما ولا مكروها ولا خلاف أولى.

3- Sifat Menyampaikan

laitu mereka menyampaikan kepada makhluk semua perkara yang diperintahkan Allah swt agar disampaikan daripada hukum hakam dan wahyu yang diturunkan oleh Allah swt kepada mereka. Manakala perkara yang tidak diperintahkan untuk menyampaikannya maka ianya tidak disampaikan terutama apabila akal manusia tidak mampu menanggungnya/memahaminya seperti perkara ghaib.

4- Sifat Bijaksana

laitu sempurna akal, bijak, kuat fikiran, kuat perhatian dan hujahnya yang mana mereka mampu menyatakan hujah tentang kebenaran apa yang disampaikan dan mereka mampu menangkis/membatalkan kesamaran/kekeliruan golongan yang menentang.

* Peringatan

Wahai saudara, tidakkah kalian tahu bahawa kasihkan rasul dengan kasih sayang yang sebenar-benarnya akan membawa kita untuk mencontohi sifat-sifat rasul, mengikut perintahnya, menjauhi larangannya dan menemaninya di dalam syurga. Sesungguhnya orang-orang soleh apabila disebut nama nabi kita Muhammad saw, mereka akan menangis kerana rindu, memuliakannya dan cinta kepadanya.

Tugas Para Nabi dan Rasul

Allah swt mengutuskan kepada mereka para rasul dari kalangan mereka untuk tugas penting:

- 1- Menunjuk akal untuk mengenali Allah swt sebagai tuhan yang esa dan sifat-sifatNya yang wajib diketahui.
- 2- Bergantung jiwa mereka dengan Allah swt dalam semua urusan mereka.
- 3- Berhati-hati dari mengambil sesuatu yang diusahakan oleh orang lain kecuali dengan hak serta menjelaskan hak yang boleh seseorang itu mengambilnya,
- 4- Menghormati maruah serta menerangkan keadaan sesuatu perkara yang harus dan yang haram.
- 5- Menerangkan kepada mereka sifat-sifat yang baik untuk manusia seperti sifat amanah, menunaikan janji dan mengasihani golongan yang lemah.

٣- التبليغ

وهو تبليغهم إلى الخلق جميع ما أمرهم الله سبحانه وتعالى بتبليغه من الأحكام والوحي الذي أنزل الله سبحانه وتعالى عليهم. وأما ما لا يؤمر بتبليغه فقد لا يبلغه خاصة إذا كانت عقول الناس لا تحتمله كالأمر الغيبية.

٤- الفطنة

وهي كمال العقل والذكاء وقوة الرأي وقوة الملاحظة والحجة. بحيث يتطيعون إقامة الحجة على صدق ما يدعون إليه ويستطيعون إبطال شبهة المخالفين.

* التذكرة

أيها الإخوة الكرام، ألم تعلموا أن محبة الرسول محبة صادقة تحملنا على التأسي بصفات الرسول واتباع أمره واجتناب نهيه ومرافقتها في الجنة. لقد كان الصالحون إذا ذكر اسم نبينا مُحَمَّد ﷺ يبكون شوقا وإجلالا ومحبة له.

وظائف الأنبياء والرسل

بعث الله إليهم رسلا من أنفسهم لوظائف هامة:

- ١- إرشاد العقول إلى معرفة الله سبحانه وتعالى إلهها واحدا وما يجب أن يعرف عن صفاته.
- ٢- تعلق نفوسهم بالله سبحانه وتعالى في جميع أحوالهم.
- ٣- حظر تناول شيء مما كسبه الغير إلا بحق مع بيان الحق الذي يباح تناوله.
- ٤- احترام الأعراض مع بيان ما يباح وما يحرم من الأوضاع.
- ٥- بيان لهم الملكات الفاضلة للناس كالأمانة والوفاء بالعهود والرحمة بالضعفاء.

Pelajaran Ketiga

SIFAT-SIFAT MUSTAHIL BAGI PARA RASUL

Takrif Sifat-sifat Mustahil bagi Rasul a.s

Setiap sifat kekurangan yang mencacatkan risalah para rasul a.s atau membawa kepada manusia lain lari daripada mereka seperti penakut, khianat, mungkir janji, membatalkan perjanjian, gila, penyakit sopak dan perkara-perkara lain yang menjijikkan.

Sifat-sifat Mustahil bagi Rasul a.s

Sifat-sifat Mustahil pada hak Rasul a.s yang wajib ke atas mukallaf mengetahuinya secara terperinci ialah :

1- Sifat Dusta

Tidak benar pengakuan kerasulan dan tidak menepati berita yang disampaikan dengan keadaan sebenar.

2- Sifat Khianat

Tidak terpelihara zahir dan batin mereka daripada dosa.

3- Sifat Menyembunyikan

Tidak menyampaikan apa yang diperintah (oleh Allah swt) supaya menyampaikannya (kepada manusia).

4- Sifat Bodoh

Tidak cerdik dan beringat/sedar untuk mengalahkan musuh dan membatalkan dakwaan mereka yang salah.

صفات الرسل عليهم السلام المستحيلة

تعريف صفات الرسل عليهم السلام المستحيلة

كل صفة ناقصة تخل برسالة الرسل عليهم السلام أو تؤدي إلى نفرة الناس منهم كالجن والغدر وخلف الوعد ونقض العهد والجنون والجذام والبرص وسائر المنفرات.

صفات الرسل عليهم السلام المستحيلة

الصفات المستحيلة في حق الرسل التي يجب على المكلف معرفتها تفصيلا هي:

١- الكذب

عدم صدقهم في دعوى الرسالة وعدم مطابقة الخبر للواقع.

٢- الخيانة

عدم عصمتهم ظاهرا وباطنا عن ذنوب.

٣- الكتمان

عدم تبليغ ما أمروا بتبليغه.

٤- البلادة

عدم الفطن والتبقيظ لإلزام الخصوم وإبطال دعاوهم الباطلة.

Para Rasul Tidak bersifat dengan sifat mustahil

1- Sifat dusta

Mustahil para rasul bersifat dusta. Ini kerana Allah swt telah membenarkan mereka dengan mukjizat, seolah-olah ketika Allah swt menguatkan mereka dengan mukjizat Dia berkata: Benarlah hambaku pada apa yang ia sampaikan daripadaKu. Sekiranya para rasul itu harus bersifat dusta nescaya pastilah ia berdusta pada perkhbaran Allah swt kerana membenarkan orang boleh bersifat dusta itu juga dusta, sedangkan dusta itu mustahil bagi Allah swt. Maka mustahil juga sifat dusta ke atas mereka dan wajiblah mereka bersifat benar. Firman Allah swt : *“dan benarlah Allah dan Rasul-Nya”*.
Surah al Ahzab 33 : 22

2- Sifat khianat

Mustahil para rasul bersifat khianat. Ini kerana Allah swt memerintah kita mengikuti mereka. Sekiranya para rasul itu harus bersifat khianat dengan melakukan perkara yang dilarang atau meninggalkan perkara yang diperintah, nescaya Allah swt tidak akan menyuruh kita mengikuti mereka kerana Allah swt tidak akan menyuruh kita mengikuti orang-orang yang khianat. Bagaimana boleh Allah menyuruh kita mengikutinya. Maka mustahillah mereka bersifat khianat dan wajiblah mereka bersifat amanah.

Firman Allah swt :

“Allah memelihara kamu dari (gangguan) manusia. Sesungguhnya Allah tidak memberi petunjuk kepada orang-orang yang kafir”.

Surah al Maidah 5 : 67

* Peringatan

Saudaraku yang dimuliakan, imam al Ghazali r.a menyebut bahawa anggota tuh semuanya perbuatannya akan mempengaruhi hati.

Orang yang bercakap dengan lidahnya dengan dusta sebagai contoh, maka timbullah dalam hatinya gambaran pendustaan dan condong muka hatinya kemudia menghitamkan wajah hati dan gelaplah hati.

عدم اتصاف الرسل بالصفات المستحيلة

١- الكذب

فيستحيل على الرسل عليهم السلام الكذب. وذلك لأن الله سبحانه وتعالى قد صدّقهم بالمعجزات، كأنه تعالى عندما أيدهم بما يقول: صدق عبدي فيما يبلغ عني. ولو جاز عليهم الكذب، للزم الكذب في خير الله سبحانه وتعالى لأن تصديق من يجوز عليه الكذب كذب، والكذب مستحيل على الله، فاستحال عليهم الكذب، ووجب لهم الصدق. وقال الله سبحانه وتعالى: وَصَدَقَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ^ج سورة الأحزاب ٣٣ : ٢٢

٢- الخيانة

يستحيل على الرسل عليه السلام الخيانة. وذلك لأن الله سبحانه وتعالى أمرنا باتباعهم، ولو جاز عليهم خيانة بفعل منهبي عنه أو ترك مأمور به، ما أمرنا الله سبحانه وتعالى باتباعهم لأن الله سبحانه وتعالى لا يأمرنا باتباع الخائنين. كيف والله يأمرنا باتباعه، فاستحالت عليهم الخيانة ووجبت لهم الأمانة. وقال الله سبحانه وتعالى:

وَاللَّهُ يَعْصِمُكَ مِنَ النَّاسِ إِنَّ اللَّهَ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الْكَافِرِينَ ﴿٦٧﴾

سور المائدة ٥ : ٦٧

* التذكرة

إخوتي الأعزاء ذكرنا الإمام الغزالي رحمه الله بأن الجوارح كلها تؤثر أعمالها في القلب.

فالذي تكلم بلسانه كاذبا مثلا ، حصل في القلب صورة كاذبا مثلا، حصل في القلب صورة كاذبة واعوج به وجه القلب ثم اسود به وجه القلب وأظلم.

3. Sifat Menyembunyikan

Mustahil bagi para rasul a.s bersifat menyembunyikan (sesuatu yang diperintahkan Allah swt). Ini kerana sekiranya mereka menyembunyikan sesuatu yang diperintahkan nescaya kita juga diperintahkan bersifat menyembunyikan. Perkara yang wajib iaitu perintah menyembunyikan ini adalah salah kerana orang yang menyembunyikan ilmu adalah dilaknat. Perkara yang diwajibkan iaitu mereka menyembunyikan itu adalah juga salah maka wajiblah bagi mereka bersifat menyampaikan.

Firman Allah swt :

“Hai rasul, sampaikanlah apa yang diturunkan kepadamu dari Tuhanmu. dan jika tidak kamu kerjakan (apa yang diperintahkan itu, berarti) kamu tidak menyampaikan amanat-Nya”.

Surah al Maidah 5 : 67

4. Sifat Bodoh

Mustahil bagi para rasul a.s bersifat bodoh. Mereka adalah makhluk Allah swt yang paling jauh daripada sifat ini. Sekiranya mereka ini bersifat bodoh nescaya mereka lemah untuk menegakkan hujah dan membawa risalah ilmiah, tanggungjawab mendidik dan pemimpin politik untuk sekumpulan manusia.

Dan pengutusan mereka adalah sia-sia kerana tujuan diutuskan mereka adalah menegakkan hujah ke atas orang yang mengingkari risalah mereka. Perkara sia-sia itu adalah mustahil bagi Allah swt kerana ianya kan mencacatkan ketuhanan Allah swt. Maka mustahil juga ke atas mereka sifat bodoh dan wajiblah mereka bersifat bijak sana.

Firman Allah swt:

“berbantahlah mereka dengan cara yang baik”.

Surah al Nahli 16 : 125

٣- الكتمان

فستحيل على الرسل عليه السلام الكتمان. وذلك لأنهم لو كتموا شيئاً مما أمروا لكننا مأمورين بالكتمان. واللازم وهو الأمر بالكتمان باطل لأن كاتم العلم ملعون. فالملزوم وهو كتمانهم باطل كذلك فوجب لهم التبليغ.

وقال الله سبحانه وتعالى: ﴿يَتَأْتِيهَا الرَّسُولُ بَلِّغْ مَا أُنزِلَ إِلَيْكَ مِنْ رَبِّكَ وَإِنْ لَمْ تَفْعَلْ فَمَا

بَلَّغْتَ رِسَالَتَهُ ۗ

سورة المائدة ٥ : ٦٧

٤- البلاد

فستحيل على الرسل عليه السلام البلاد. فهم أبعد خلق الله سبحانه وتعالى عنها، فلو كانوا اتصفوا بالبلاد لكانوا عاجزين عن إقامة الحجج وحمل رسالة علمية ومهمة تربية وقيادة سياسية لمجموعة من البشر.

وكان إرسالهم عبثاً لأن من أهداف إرسالهم إقامة الحجج على منكري رسالتهم. والعبث مستحيل على الله سبحانه وتعالى لأنه ينقص ألوهية الله سبحانه وتعالى. فاستحالت عليهم البلاد ووجب لهم الفطانة.

وقال الله سبحانه وتعالى: وَجَدِلْتُم بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ

سورة النحل ١٦ : ١٢٥

SIFAT-SIFAT HARUS BAGI PARA RASUL**Takrif Sifat-sifat Harus Bagi Para Rasul**

Maksud Sifat-sifat Harus Bagi Para Rasul ialah semua sifat manusia yang tidak membawa kepada kekurangan pada diri mereka atau menjauhkan manusia daripada mereka. Dalil harusnya sifat ini bagi para rasul a.s ialah dapat dilihat dengan lahirnya sifat tersebut daripada pada mereka dan sifat tersebut memang ada pada mereka.

Sifat-sifat Harus Para Rasul sebagai manusia

Nabi dan rasul adalah manusia. Oleh itu harus bagi mereka apa yang harus bagi manusia selagi perkara itu tidak haram, makruh, harus yang tidak mengaibkan atau dibenci oleh manusia. Perkara tersebut seperti makan, minum, tidur, sakit (yang tidak menjauhkan manusia daripadanya) dan pengsan. Orang kafir minta para rasul itu jenis yang tidak makan, tidak pergi ke pasar dan tidak berkahwin, lalu Allah swt menolak permintaan mereka kerana para rasul adalah manusia.

Firman Allah swt:

“Dan kami tidak mengutus rasul-rasul sebelummu, melainkan mereka memakan makanan dan berjalan di pasar-pasar”.

Surah al Furqan : 20

* wahai saudara yang dihormati, praktiklah pada diri anda sifat benar para nabi. Anda perlu bersungguh-sungguh bersifat benar di mana saja anda berada. Jadikanlah sifat benar itu tunggangan (sentiasa bersama) Kamu. Bersifat Benarlah pada kata-kata, niat dan perbuatan kalian.

صفات الرسل عليهم السلام الجائزة**تعريف صفات الرسل عليهم السلام الجائزة**

المراد بالصفات الجائزة في حق الرسل عليهم السلام هي كل صفات بشرية لا تؤدي إلى نقص في حقهم أو نفرة الناس منهم . والدليل على جواز هذه الصفات على الرسل عليهم السلام مشاهدة وقوعها منهم وبهم.

صفات الرسل عليهم السلام الجائزة باعتبارهم البشر

الأنبياء والرسل عليهم السلام بشر، ولذا يجوز عليهم ما يجوز على البشر مما ليس محرماً ولا مكروهاً ولا مباحاً معيباً أو منفرًا للطباع. وذلك كالأكل والشرب والنوم والمرض غير المنفر والإغماء. وقد طلب المشركون رسلاً لا يأكلون ولا يمشون في الأسواق ولا يتزوجون. فرد الله سبحانه وتعالى عليهم طلبهم لأن الرسل عليهم السلام بشر.

قال الله سبحانه وتعالى:

(وَمَا أَرْسَلْنَا قَبْلَكَ مِنَ الْمُرْسَلِينَ إِلَّا إِنَّهُمْ لَيَأْكُلُونَ الطَّعَامَ وَيَمْشُونَ فِي الْأَسْوَاقِ)

سورة الفرقان ٢٥: ٢٠

* أيها الإخوة الأعزاء، طبقوا على أنفسكم صفة صدق الأنبياء عليهم السلام، فعليكم أن تتحروا الصدق أينما تكونوا، واجعلوا الصدق مطيتكم. فاصدقوا في أقوالكم وفي نياتكم وفي أعمالكم.

MUKJIZAT PARA RASUL

Takrif Mukjizat

Mukjizat ialah perkara yang menarik adat (luar biasa) yang dizahirkan oleh Allah swt pada orang yang mengaku sebagai nabi yang menepati kehendakNya sebagai membenarkan pengakuannya dan perkara tersebut melemahkan semua makhluk lain untuk mendatangkan seumpamanya.

Perkara Yang Menarik Adat

Perkara yang tidak pernah berlaku pada kebiasaannya sama ada melakukan sesuatu atau menahan sesuatu seperti mengeluarkan air di celah-celah jari nabi Muhammad saw, atau menahab sesuatu seperti tidak membakar nabi Ibrahim a.s ketika baginda dicampak ke dalam api. Tidak termasuk makna ini iaitu sihir, silap mata dan perkara pelik yang direkacipta.

Mukjizat dizahirkan oleh Allah swt pada orang yang mengaku sebagai nabi

Tidak termasuk dalam makna ini ialah *irhas*, *karamah*, *maunah* dan *istidraj* kerana ianya tidak zahir daripada tangan orang yang mengaku sebagai nabi.

Menepati kehendak Allah sebagai membenarkan pengakuan nabi tersebut

Tidak termasuk makna ini ialah *ihanah* kerana ianya adalah perkara luar biasa yang dizahirkan oleh Allah pada orang yang mendakwa sebagai nabi secara dusta dan menyalahi kehendakNya.

* Peringatan

Apabila anda telah tahu bahawa mukjizat adalah perkara luar biasa, maka anda sebagai orang yang beriman menyakini bahawa Allah swt memberikan mukjizat kepada para nabi dan rasul yang diutuskan kepada manusia untuk menyatakan kebenaran pengakuan mereka dan menjelaskan kepada manusia ikatan mereka dengan Allah swt dan mereka dibantu oleh Allah swt.

المعجزة الرسل عليهم السلام

تعريف المعجزة

المعجزة هي أمر خارق للعادة يظهره الله سبحانه وتعالى على يد مدعي النبوة وفق مراده تصديقا له في دعواه معجز جميع المخلوقات عن إثبات بمثله.

خارق للعادة

لم تجر به العادة، سواء كان فعلا أو تركا كمنبع الماء من بين أصابع النبي مُحَمَّد صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أو تركا كعدم احتراق إبراهيم عليه السلام عندما قذف في النار. ولا يدخل ضمن المعنى السحر والشعوذة وغرائب المخترعات.

يظهره الله على يد مدعي النبوة

لا يدخل كذلك ضمن معنى قوله (يظهره الله على يد مدعي النبوة) الإرهاس والكرامة والمعونة والاستدراج، لعدم ظهورها على يد مدعي النبوة.

على وفق مراده تصديقا له

خرج بقوله (على وفق مراده تصديقا له) الإهانة لأنها أمر خارق للعادة يظهره الله على يد مدعي النبوة كذبا مخالفا لمطلوبه.

* التذكرة

إذا علمت أن المعجزة إنما هي من خوارق العادة، يجب عليك أيها المؤمن أن تعتقد بأن الله سبحانه وتعالى قد أعطى أنبياءه ورسوله الذين أرسلهم إلى الناس معجزات تبين صدق دعوتهم وتوضح للناس ارتباطهم بالله ﷻ وأنهم مؤيدون به.

MUKJIZAT ZAHIR DAN MAKJIZAT MAKNAWI

Mukjizat Zahir (dapat dilihat)

Ianya adalah setiap perbuatan tuhan yang zahir, ianya dilakukan oleh Allah pada nabiNya sebagai penyaksiaan kepada kenabian . Ianya amat banyak seperti mukjizat yang ada pada nabi kita Muhammad saw, peristiwa mikraj, mukjizat terbelahnya bulan dan lain-lain lagi.

Mukjizat maknawi (tidk dapat dilihat)

Ianya juga dinamakan mukjizat akliah. Mukjizat ini hanya untuk nabi Muhammad saw iaitu mukjizat al Quran. Hikmah adanya mukjizat maknawi ini untuk risalah nabi Muhammad saw tidak pada para nabi dan rasul terdahulu, kerana risalah nabi Muhammad akan kekal sehingga hari kiamat. Maka ianya memerlukan mukjizat ini sebagai penyaksian untuk risalah nabi Muhammad sepanjang masa tersebut.

Sokongan Allah Swt Kepada Para RasulNya Melalui Mukjizat

Allah swt membantu para rasulNya dengan mukjizat menunjukkan bahawa mereka adalah benar. Mereka adalah benar dalam pengakuan mereka (sebagai nabi), sekiranya mereka dusta nescaya Allah swt tidk akan membenarkan mereka kerana membenarkan orang yang dusta itu adalah pendustaan. Ini adalah mustahil bagi Allah swt.

المعجزات الحسية والمعجزات المعنوية

المعجزات الحسية:

عبارة عن كل عمل إلهي ظاهر يفعله الله تعالى على يد نبيه يشهد له بالنبوة. وهي كثيرة كالمعجزات التي ظهرت على يدي نبينا مُحَمَّد ﷺ والمعراج، ومعجزة انشقاق القمر، وغير ذلك.

المعجزات المعنوية:

تسمى أيضا بالمعجزة العقلية وأنها المعجزة التي اختصَّ بها سيدنا مُحَمَّد صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وهي معجزة القرآن. والحكمة في ثبوت هذه المعجزة المعنوية لرسالة سيدنا مُحَمَّد صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دون الأنبياء والرسل السابقين، أن رسالة نبينا مُحَمَّد ﷺ باقية إلى يوم القيامة، فاحتاجت إلى معجزة تشهد لها خلال هذه العصور كلها.

تأييد الله سبحانه وتعالى رسله بالمعجزة

أيد الله سبحانه وتعالى رسله بمعجزات تدل على أنهم رسل الله عليهم السلام حقا. وأنهم صادقون في دعواهم إذ لو كانوا كاذبين ما صدقهم الله سبحانه وتعالى لأن تصديق الكاذب كذب، وهو مستحيل على الله سبحانه وتعالى.

PERKARA LUAR BIASA YANG BUKAN MUKJIZAT

KARAMAH:

Perkara luar biasa yang dizahirkan oleh Allah swt pada manusia yang jelas kebajikannya dan ianya tidak mengaku sebagai nabi, tujuannya untuk memuliakannya.

IRHAS:

Perkara luar biasa yang dizahirkan oleh Allah swt sebelum dibangkitkan menjadi nabi sebagai pendahuluan kenabian seperti naungan awan (ketika bersama Abu Tolib ke Syam) kepada nabi kita sebelum menjadi rasul.

MAUNAH:

Perkara luar biasa yang dizahirkan oleh Allah swt pada manusia yang tidak diketahui keadaannya dan ianya tidak mengaku sebagai nabi, tujuannya untuk melepaskannya daripada kesusahan dan seumpamanya.

ISTIDRAJ:

Perkara luar biasa yang dizahirkan oleh Allah swt pada manusia yang mendakwa mempunyai sifat ketuhanan dengan izin Allah dan ianya adalah sebagai tipu daya.

IHANAH:

Perkara luar biasa yang dizahirkan oleh Allah swt pada manusia yang mendakwa sebagai nabi secara dusta dan ianya menyalahi kehendak Allah swt, tujuannya sebagai pendustaan untuknya.

SIHIR:

Perbuatan yang boleh mendekati diri kepada syaitan. Ianya terdiri daripada azimat-azimat, jampi dan tangkal-tangkal (simpulan tali) yang memberi kesan kepada hati dan tubuh badan. Ianya boleh mendatangkan penyakit, membunuh dan memisahkan antara suami isteri.

الخوارق الأخرى غير المعجزة

الكرامة :

أمر خارق للعادة يظهره الله سبحانه وتعالى على يد إنسان ظاهر الصلاح غير مدع للنبوّة إكراماً له.

الإرهاص :

أمر خارق للعادة يظهره الله سبحانه وتعالى قبيل بعثة نبي تأسيساً للنبوّة وتمهيداً لها، كإظلال الغمامة لنبينا قبل الرسالة.

المعونة :

أمر خارق للعادة يظهره الله سبحانه وتعالى على يد إنسان مستور الحال غير مدعى النبوّة تخليصاً له من شدة مثلاً.

الاستدراج :

أمر خارق للعادة يظهره الله سبحانه وتعالى على يد مدعى الألوهية على وفق مطلوبة خديعة.

الإهانة :

أمر خارق للعادة يظهره الله سبحانه وتعالى على يد مدعى النبوّة كذباً مخالفاً لمطلوبه ومراده تكذيباً له.

السحر :

عمل يتقرب فيه إلى الشيطان بمعونة منه، يتكون من عزائم ورقى وعقد تؤثر في القلوب والأبدان، فتمرض وتقتل وتفرق بين المرء وزوجه.

RASUL TERPELIHARA

Takrif Rasul Terpelihara

Terpelihara zahir dan batinnya daripada melakukan (terlibat dengan) perkara yang dilarang serta mustahil berlaku perkara tersebut pada mereka. Syaitan tidak mampu mengganggu (melakukannya kepada) mereka.

Dalil naqli tentang Ismah Rasul a.s

Firman Allah swt:

“Sesungguhnya pada mereka itu (Ibrahim dan umatnya) ada teladan yang baik bagimu; (iaitu) bagi orang-orang yang mengharap (pahala) Allah dan (keselamatan pada) hari kemudian. dan barangsiapa yang berpaling, Maka Sesungguhnya Allah Dia-lah yang Maha Kaya lagi Maha Terpuji”.

Surah Mumtahanah: 6

Firman Allah swt:

“Supaya Allah memberi ampunan kepadamu terhadap dosamu yang Telah lalu dan yang akan datang serta menyempurnakan nikmat-Nya atasmu dan memimpin kamu kepada jalan yang lurus”.

Surah al Fath: 2

Rasul Terpelihara daripada kufur, dosa besar dan kecil

Ismah sebenarnya adalah seerti dengan amanah sebagaimana sifat benar itu termasuk dalam amanah, tetapi ulamak tidak ingin mendetilkan perkan tersebut. Orang Islam sepakat para nabi terpelihara daripada kejahatan dan dosa besar.

* Maklumat tambahan

Qadi Iyad menyatakan: tidak ada perselisihan pendapat bahawa kufur selepas menjadi nabi adalah mustahil, bahkan mereka (para nabi) terpelihara daripada perkara tersebut

عصمة الرسول عليه السلام

تعريف عصمة الرسول عليه السلام

حفظ ظواهرهم وبواطنهم من التلبس بمنهي عنه مع استحالة وقوعه منهم، فلا يكن للشيطان عليهم سبيل.

الدليل النقلى على عصمة الرسول عليه السلام

قال الله تعالى: (لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِيهِمْ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُو اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَمَن يَتَوَلَّ فَإِنَّ اللَّهَ هُوَ الْعَزِيزُ الْحَمِيدُ) سورة الممتحنة ٦٠ : ٦

لِيَغْفِرَ لَكَ اللَّهُ مَا تَقَدَّمَ مِن ذَنْبِكَ وَمَا تَأَخَّرَ وَيُتِمَّ نِعْمَتَهُ عَلَيْكَ وَهَدِيكَ صِرَاطًا مُّسْتَقِيمًا ﴿٦٠﴾ سورة الفتح ٤٨ : ٢

عصمة الرسول عليه السلام من الكفر والكبائر والصغائر

العصمة في الحقيقة نفس الأمانة كما أن الصدق داخل في الأمانة إلا أن العلماء يريدون التفصيل لكل منها. وقد أجمع المسلمون على عصمة الأنبياء من الفواحش والكبائر.

* معلومة زائدة

قال القاضي عياض رحمه الله: لا خلاف أن الكفر بعد النبوة ليس بجائز، بل هم معصومون منه.

Ismah ini adalah wajib bagi para rasul daripada melakukan dosa besar dan kecil sama ada sengaja atau terlupa selepas dibangkitkan menjadi rasul. Begitu juga sebelum menjadi rasul mengikut pendapat yang lebih kuat. Perkara yang menimbulkan kesamaran yang terdapat pada nas al Quran maka hendaklah ditakwilkan maknanya.

Contoh tersebut seperti firman Allah swt tentang nabi Adam a.s :

“Dan derhakalah (melanggar larangan Allah kerana lupa dan tidak sengaja) Adam kepada Tuhan dan sesatlah dia”.

Surah Taha : 121

Sesungguhnya nabi Adam a.s sebenarnya tidak derhaka dengan memakan pokok yang dilarang kerana baginda lupa kepada larangan Allah swt sebagaimana firman Allah swt :

“Dan Sesungguhnya Telah kami perintahkan kepada Adam dahulu¹, Maka dia lupa (akan perintah itu), dan tidak kami dapati padanya kemahuan yang kuat”.

Orang yang lupa bukanlah orang derhaka (pelaku maksiat).

* Peringatan

Marilah wahai saudara, kita membesarkan para rasul a.s iaitu mengikut, mentaati dan menolong mereka, agama dan syariat mereka. Menyakini wajib mentaati mereka dan mengikut mereka dalam perkara yang diperintahkan Allah swt. Ketahuilah wahai saudara, tidak ada cara untuk mendekati Allah swt dan mencapai keredhaanNya kecuali mengikut cara para rasul terdahulu dan menjejaki (mencontohi akhlak) mereka para rasul a.s

فهذه العصمة واجبة في حق الرسل عليه السلام من الذنوب الكبيرة والصغيرة عمدا أو سهوا بعد البعثة وكذا قبلها على المذهب الراجح. وما يوهم من النصوص القرآنية فمؤول. ومثال ذلك، قوله تعالى في حق آدم عليه السلام:

وَعَصَى آدَمُ رَبَّهُ فَغَوَى ﴿١٢١﴾ سورة طه ٢٠ : ١٢١

إن آدم عليه السلام في الحقيقة غير عاص بأكل الشجر المنهى عنها، لأنه ناس لنهي الله سبحانه وتعالى، كما قال الله تعالى:

وَلَقَدْ عَهِدْنَا إِلَى آدَمَ مِنْ قَبْلُ فَنَسِيَ وَلَمْ نَجِدْ لَهُ عَزْمًا ﴿١١٥﴾ سورة طه ٢٠ : ١١٥

والناسي غير عاص.

* التذكرة

هيا بنا أيها الإخوة أن نعظم رسل الله عليهم السلام وهو تعظيم الاتباع والطاعة والنصر لهم ولدينهم وشرعهم. واعتقاد وجوب طاعتهم واتباعهم فيما أمر الله سبحانه وتعالى به. واعلموا أيها الإخوان، أنه لا سبيل يقرب إلى الله سبحانه وتعالى وتنال به مرضاته إلا بالسلوك خلفهم واقتناء أثرهم صلوات الله عليهم وسلامهم.

¹ lihat surah baqarah : 35

BILANGAN RASUL DAN ULUL AZMI DI KALANGAN RASUL

Takrif Ulul Azmi Di Kalangan Rasul

Mereka adalah orang dapat menanggung dan menghadapi pelbagai kepayahan dan pelbagai tipu daya daripada orang kafir dan golongan yang melampaui batas. Mereka menghadapi penanyayaan / kejahatan daripada golongan ini, lalu mereka bersabar dan berjuang. Mereka tidak pernah lemah dan rasa hina sehinggalah Allah swt melaksanakan apa yang dikehendakiNya pada hambanya. Maka Allah swt melebihkan mereka berbanding yang lain kerana usaha dan perjuangan mereka.

Ulul Azmi Di Kalangan Rasul yang disebut di dalam al quran

Ulamak berselisih pendapat tentang bilangan ulul azmi (orang yang berhemah tinggi) dan menentukan mereka. Pendapat yang paling sahih dalam perkara tersebut : mereka adalah lima orang iaitu nabi Nuh, nabi Ibrahim, nabi Musa, nabi Isa dan nabi Muhammad saw. Allah menyebut nama mereka di dalam al Quran.

Firman Allah swt :

“Dan (Ingatlah) ketika kami mengambil perjanjian dari nabi-nabi dan dari kamu (sendiri) dari Nuh, Ibrahim, Musa dan Isa putera Maryam, dan kami Telah mengambil dari mereka perjanjian yang teguh”.

Surah Ahzab : 7

* Peringat

Wahai saudara yang dihormati, tidakkah kamu rasa bagaimana sabarnya nabi kita mentaati Allah swt ketika Ummu Mukminin Aisyah r.ha berkata : Rasulullah saw terus berpuasa dan kempis perutnya kerana lapar. Kemudian baginda terus berpuasa dan kempis perutnya kerana lapar. Kemudian baginda terus berpuasa dan berkata : wahai Aisyah sesungguhnya dunia ini tidak perlu untuk Muhammad dan keluarga Muhammad. Wahai Aisyah, sesungguhnya Allah swt tidak redha kepada rasul ulul azmi (yang berhemah tinggi) kecuali dengan bersabar terhadap perkara yang dibencinya dan perkara yang dikasihinya. Kemudian Allah swt tidak redha kepadaku kecuali Dia akan memberi tanggungjawab kepadaku apa yang diberikan kepada mereka (para rasul ulul azmi), lalu Allah berkata: Bersabarlah sebagaimana sabarnya para rasul ulul azmi. Dan aku demi Allah akan benar-benar sabra sebagaimana mereka bersabar. Daya Upayaku sebenarnya tiada kekuatan kecuali hanya Allah swt.

عدد الرسل عليهم السلام و أولو العزم من الرسل عليهم السلام

تعريف أولي العزم من الرسل عليهم السلام

هم الذين تحملوا مكابد و مكاييد من أهل الشِّرك والطُّغيان وأصابهم الإيذاء منهم. فصبروا وجاهدوا وما ضعفوا وما استكانوا حتى قضى الله سبحانه وتعالى ما أراد في عباده، ففضلهم الله سبحانه وتعالى على غيرهم باجتهداهم وجهادهم.

أولو العزم من الرسل عليهم السلام الواردة في القرآن

قد اختلف العلماء في عدد أولي العزم وتعيينهم، وأصح أقوال العلماء في ذلك أنهم خمسة، وهم: نوح ، وإبراهيم ، وموسى ، وعيسى ، ومُحَمَّد ﷺ . ذكرهم الله في القرآن الكريم، قوله تعالى: **وَإِذْ أَخَذْنَا مِنَ النَّبِيِّينَ مِيثَاقَهُمْ وَمِنْكَ وَمِنْ نُوحٍ وَإِبْرَاهِيمَ وَمُوسَى وَعِيسَى ابْنِ مَرْيَمَ وَأَخَذْنَا مِنْهُمْ مِيثَاقًا غَلِيظًا** ﴿٧﴾ سورة الأحزاب ٣٣ : ٧

* التذكرة

أيها الإخوة الأعزاء، ألم تشعروا كيف صبر نبينا على طاعة الله حين أخبرتنا أم المؤمنين عائشة رضي الله عنها حيث قالت: ظل رسول الله ﷺ صائما ثم طواه ثم ظل صائما ثم طواه ثم ظل صائما ثم قال: يا عائشة إن الدنيا لا تنبغي لمحمد ولا لآل محمد، يا عائشة إن الله تعالى لم يرض من أولي العزم من الرسل إلا بالصبر على مكروهاها والصبر عن محبوبها، ثم لم يرض مني إلا أن يكلفني ما كلفهم فقال: فاصبر كما صبر أولو العزم من الرسل وإني والله لأصبرن كما صبروا جهدي ولا قوة إلا بالله.

Para rasul ulul azmi

Allah swt menyuruh nabi kita Muhammad saw agar baginda mencontohi para rasul ulul azmi terdahulu sebagaimana firman Allah swt :

“Maka Bersabarlah kamu seperti orang-orang yang mempunyai keteguhan hati dari rasul-rasul”

Surah Ahqaf : 35

Allah swt memerintahkan Rasulullah saw agar bersabar di atas kezaliman orang yang mendustakan dan menentang baginda. Allah juga memerintah baginda agar terus mengajak mereka kepada Allah swt dan mencontohi para rasul ulul azmi, penghulu segala makhluk yang mempunyai hemah tinggi yang begitu besar kesabaran mereka, keyakinan mereka yang sempurna. Mereka adalah orang yang paling layak untuk diteladani dan dijejaki langkah mereka dan pedoman dengan cahaya petunjuk mereka.

Baginda saw menjunjung perintah tuhanNya dan bersabar dengan kesabaran yang belum pernah dilakukan oleh nabi sebelumnya. Golongan kafir semuanya bangun menghalang baginda daripada berdakwah kepada Allah swt. Mereka memusuhi dan memerangi baginda sehabis-habisnya. Baginda saw terus melaksanakan perintah Allah swt dengan penuh komitmen terhadap usaha jahat musuh-musuh Allah swt dengan penuh kesabaran menanggung kejahatan mereka sehingga Allah swt memberikannya menguasai dunia ini dan menzahirkan agamanya mengatasi agama-agama lain dan memuliakan umatnya berbanding umat lain.

Nabi kita bersabar seperti nabi ulul azmi, baginda melakukannya dan mengumpul pelbagai jenis kesabaran yang mereka lakukannya. Baginda adalah orang yang paling layak di tahap pertama dalam sifat himmah (ketabahan dan kecekalan). Baginda juga lebih layak di tahap pertama dalam sifat kesempurnaan dan pertama dari segi kelebihan seperti yang dijelaskan oleh ulamak. Nabi yang paling mulia adalah junjungan kita nabi Muhammad saw, selepasnya nabi Ibarahim, nabi Musa, nabi Isa dan nabi Nuh.

أولو العزم من الرسل عليهم السلام

قد خاطب الله سبحانه وتعالى نبينا مُحَمَّدٌ ﷺ أن يقتدي بمن سبقه من أولي العزم، كما قال الله

سبحانه وتعالى: فَاصْبِرْ كَمَا صَبَرَ أُولُو الْعَزْمِ مِنَ الرُّسُلِ سورة الأحقاف ٤٦ : ٣٥

أمر الله سبحانه وتعالى رسوله ﷺ أن يصبر على أذية المكذبين المعادين له. وأن لا يزال داعياً لهم إلى الله سبحانه وتعالى وأن يقتدي بصبر أولي العزم من المرسلين سادات الخلق أولي العزائم والهمم العالية الذين عظم صبرهم، وتم يقينهم، فهم أحق الخلق بالأسوة بهم والقفو لآثارهم والاهتداء بمنارهم.

فامتثال ﷺ لأمر ربه فصبر صبراً لم يصبره نبي قبله، وقاموا جميعاً بصدده عن الدعوة إلى الله سبحانه وتعالى وفعلوا ما يمكنهم من المعادة والمخاربة. وهو ﷺ لم يزل صادعاً بأمر الله سبحانه وتعالى مقيماً على جهاد أعداء الله سبحانه وتعالى صابراً على ما يناله من الأذى، حتى مكن الله سبحانه وتعالى في الأرض وأظهر دينه على سائر الأديان وأتمته على الأمم.

ويصبر نبينا ﷺ كصبرهم، ففعل، وجمع مختلف أنواع الصبر الذي صبروه، فكان أحقهم بالدرجة الأولى في العزم، كما هو عليه الصلاة والسلام أحقهم بالدرجة الأولى في كل كمال. وترتيبهم في الأفضلية كما أفادنا العلماء، فأفضلهم سيدنا مُحَمَّدٌ ﷺ، يليه سيدنا إبراهيم، فسيدنا موسى، فسيدنا موسى، فسيدنا عيسى، فسيدنا نوح عليهم السلام

Pelajaran Kelapan

KITAB-KITAB SAMAWI

Takrif kitab samawi

ialah kalam Allah swt yang diturunkan kepada rasul-rasulNya agar mereka sampaikan kepada kaum mereka.

Antara kitab samawi ada yang berbentuk beberapa suhuf dan ada dalam bentuk kitab besar yang mempunyai kedudukan. Al Quran membenarkan kitab-kitab tersebut mengikut apa yang ia mula-mula diturunkan, bukannya apa yang ada sekarang ini selepas kitab tersebut diselewengkan.

Kitab dan suhuf samawi yang diberitakan oleh al Quran dengan sedikit penjelasan, dapatlah disimpulkan seperti berikut:

Kitab-kitab	Suhuf (lembaran)
1. TAURAT: kitab yang diturunkan oleh Allah swt kepada nabi Musa. 2. ZABUR: kitab yang diturunkan oleh Allah swt kepada nabi Daud 3. INJIL: kitab yang diturunkan oleh Allah swt kepada nabi Isa 4. AL QURAN: kitab yang diturunkan oleh Allah swt kepada nabi Muhammad saw.	1. SUHUF IBRAHIM 2. SUHUF MUSA

* Peringatan

Wahai saudaraku yang mulia, sepatutnya orang yang diajar oleh Allah dengan al Quran agar menjadikan al Quran penyejuk hatinya, memulihkan kerosakan yang ada di hatinya, beradab dengan adab al Quran, berakhlak dengan akhlak mulia yang jelas kelihatan berbanding orang lain yang tidak membaca al Quran.

Ya Allah, jadikanlah al Quran ini penenang hati kami, cahaya di dada kami dan menghilangkan kesusahan dan kesedihan kami.

الكتب السماوية

أ) تعريف الكتب السماوية

كلام الله سبحانه وتعالى الذي أنزل على رسله عليه السلام ليبلغوه إلى قومهم، ومن الكتب السماوية ما كان على شكل صحف معدودة، ومنها ما أخذ شكل كتب كبيرة لها شأن، يصدق القرآن الكريم بما على ما كانت عليه يوم أنزلت، لا على ما هي عليه الآن بعد أن حُرِّفَتْ.

فالكتب والصحف السماوية التي أخبرنا عنه القرآن بشيء من التفصيل، يتخلص كما يلي:

الكتب	الصحف
١. التوراة : وهو الكتاب الذي أنزله الله ﷻ على موسى	١. صحف إبراهيم
٢. الزبور : وهو الكتاب الذي أنزله الله ﷻ على داود	٢. صحف موسى
٣. الإنجيل : وهو الكتاب الذي أنزله الله ﷻ على عيسى	
٤. القرآن الكريم : وهو الكتاب الذي أنزله الله ﷻ على نبينا محمد ﷺ	

* التذكرة

يا إخوتي الكرام، ينبغي لمن علمه الله ﷻ القرآن الكريم أن يجعل القرآن الكريم ربيعاً لقلبه، يعمر به ما خرب من قلبه، يتأدب بأداب القرآن الكريم، ويتخلق بأخلاق شريفة تَبِينُ به عن سائر الناس ممن لا يقرأ القرآن الكريم. اللهم اجعل القرآن الكريم ربيعاً لقلوبنا، ونوراً صدورنا، وجلاء همومنا وأحزاننا.

CIRI-CIRI KITAB SAMAWI

1. TAURAT

Taurat ialah lafaz Ibrani, ertinya: pengajian atau syariah. Ianya adalah kitab Rabbani yang diturunkan Allah swt ke atas nabi Musa a.s. Ia mengandungi suhuf yang paling kuat yang diturunkan kepada baginda dan alwah yang datang selepas baginda bermunajat dengan Allah di sebelah bukit (Tur sina). Antara keistimewaan yang terdapat dalam kitab Taurat ialah:

- 1- Himpunan hokum dan syariat yang diperintahkan oleh Allah swt kepada bani Israel seperti hokum jenayah dan syariat qisas.
- 2- Berita gembira dengan (kedatangan) nabi Muhammad saw dan menyebut sebahagian sifat-sifat baginda.
- 3- Sifat para sahabat nabi Muhammad saw.
- 4- Galakan berjihad dengan nyawa dan harta.
- 5- Galakan menyucikan diri dan mengingati Allah swt.

2. ZABUR

Zabur dari sudut bahasa ialah kitab. **Mazbur** bererti perkara yang ditulis, kata jamaknya ialah **Zubur**. Setiap kitab dinamakan zabur. **Zabur** ialah kitab ketuhanan yang diturunkan oleh Allah swt kepada nabi Daud as. Antara perkara yang dicatat oleh Allah swt di dalam kitab Zabur ialah Allah mewariskan bumi ini untuk hambaNya yang soleh.

خصائص الكتب السماوية

١. التورة

لفظ عبراني ومعناه: التعليم أو الشريعة، وهو الكتاب الرباني الذي أنزل الله سبحانه وتعالى على سيدنا موسى عليه السلام، ويتضمن على الأرجح الصحف التي أنزلت عليه والألواح التي جاء بها بعد مناجاته لربه في جانب الطور. فمن جملة خصائص تضمنتها التورة:

- (١) مجموعة من الأحكام والشرائع الربانية التي شرعها الله سبحانه وتعالى لبني إسرائيل كأحكام الجنايات وشريعة القصاص.
- (٢) البشارة بمحمد ﷺ وذكر بعض صفاته.
- (٣) صفة أصحاب محمد ﷺ.
- (٤) الحث على الجهاد بالنفس والمال.
- (٥) الحث على تزكية النفس وذكر الله.

٢. الزبور

لغة هو الكتاب المزبور يعني المكتوب، جمعه زُبُر، وكل كتاب يسمى زبوراً. والزبور هو الكتاب الرباني الذي أنزله الله سبحانه وتعالى على داود عليه السلام، مما كتبه الله سبحانه وتعالى في الزبور هو أن وراثته الأرض لعباد الله الصالحين.

3. INJIL

Injil ialah perkataan Yunani ertinya: berita gembira. Ia adalah kitab ketuhanan yang diturunkan oleh Allah swt ke atas nabi Isa a.s. Antara ciri-ciri utama yang terkandung di dalam kitab Injil ialah :

- 1- Menyebut sifat para sahabat nabi Muhammad saw
- 2- Berita gembira dengan (kedatangan) nabi Muhammad saw dan menyebut beberapa sifatnya.
- 3- Galakan berjihad dengan nyawa dan harta.
- 4- Himpunan hukum hakam dan syariat ketuhanan.
- 5- Petunjuk, cahaya, membenarkan kitab Taurat dan nasihat untuk orang bertaqwa.

4. AL QURAN

Al Quran ialah kitab Allah yang mempunyai mukjizat, membacanya adalah ibadat, ianya diturunkan kepada Rasulullah nabi Muhammad saw, ianya terpelihara dengan perlindungan Allah swt. Antara ciri-ciri utama yang terdapat di dalam al Quran adalah seperti berikut:

- 1- Ianya diriwayatkan secara mutawatir (ramai periwayatnya) pada asalnya, bahagian-bahagiannya, tempatnya dan susunannya.
- 2- Manusia tidak mampu mencipta kitab seumpamanya dan melawannya.
- 3- Al Quran akan sentiasa terpelihara di sisi Allah swt.
- 4- Diturunkan al Quran kepada Rasulullah secara beransur-ansur bagi maksud yang pelbagai.

٣. الإنجيل

لفظ يوناني ومعناه: البشرى، وهو الكتاب الرباني الذي أنزله الله على سيدنا عيسى عليه السلام. فمن جملة خصائص تضمنتها الإنجيل:

- (١) ذكر صفة أصحاب محمد ﷺ.
- (٢) البشارة بمحمد ﷺ وذكر بعض صفاته.
- (٣) الحث على الجهاد بالنفس والمال.
- (٤) المجموعة من الأحكام والشرائع الربانية.
- (٥) الهدى والنور والتصديق بالتوراة والموعظة للمتقين.

٤. القرآن الكريم

هو كتاب الله المعجز المتعبد بتلاوته المنزل على رسول الله محمد ﷺ المحفوظ بحفظه تعالى. فمن جملة خصائص تضمنها القرآن فيما يلي:

- (١) أن يكون متواترا في أصله وأجزائه ومحلّه ووضعه وترتيبه.
- (٢) عجز البشر عن الإتيان بمثله، ومعارضته.
- (٣) كون القرآن لم يزل محفوظا عند الله تعالى.
- (٤) نزل القرآن على رسول الله ﷺ منجما لمعان مختلفة.

KEISTIMEWAAN AL QURAN

- 1- Antara keistimewaan utama al Quran ialah penguasaannya/penjagaannya ke atas kitab-kitab Allah swt yang terdahulu.
Firman Allah swt: *“Dan kami Telah turunkan kepadamu Al Quran dengan membawa kebenaran, membenarkan apa yang sebelumnya, yaitu kitab-kitab (yang diturunkan sebelumnya) dan ukuran [untuk menentukan benar atau tidaknya] terhadap kitab-kitab yang lain itu”.*
Surah Maidah : 48
- 2- Al Quran datang sebagai saksi di atas penyelewengan umat terdahulu terhadap kitab yang diturunkan kepada mereka. Al Quran juga pentashih / membetulkan kesilapan mereka dan membongkar kesesatan mereka.
Firman Allah swt : *“Al Masih putera Maryam itu hanyalah seorang Rasul yang Sesungguhnya Telah berlalu sebelumnya beberapa rasul, dan ibunya seorang yang sangat benar”.*
Surah Maidah : 75
- 3- Al Quran tidak ada penyelewengan dan perubahan padanya.
Firman Allah swt : *“Sesungguhnya Kami-lah yang menurunkan Al Quran, dan Sesungguhnya kami benar-benar memeliharanya”*
Surah Hajar : 9
- 4- Al Quran adalah kitab terakhir yang diturunkan, ia menasakhkan (membatalkan) agama-agama lain seluruhnya.
Firman Allah swt : *“Barangsiapa mencari agama selain agama islam, Maka sekali-kali tidaklah akan diterima (agama itu) daripadanya”*
Surah Al Imran : 85

مميزات القرآن

- ١- من أعظم مميزات القرآن هيمنته على الكتب السماوية السابقة. قال الله ﷻ :
وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ مُصَدِّقًا لِمَا بَيْنَ يَدَيْهِ مِنَ الْكِتَابِ
وَمُهَيِّمًا عَلَيْهِ ^ط سورة المائدة ٥ : ٤٨
- ٢- جاء القرآن شاهدا على تحريف الأمم السابقة لما نزل عليهم من الكتب،
ومصححا لأغلاطهم، فاضحا لأباطيلهم. قال الله ﷻ :
مَا الْمَسِيحُ ابْنُ مَرْيَمَ إِلَّا رَسُولٌ قَدْ خَلَتْ مِنْ قَبْلِهِ الرُّسُلُ وَأُمُّهُ صِدِّيقَةٌ ^ط
سورة المائدة ٥ : ٧٥
- ٣- إن القرآن الكريم لا تحريف فيه ولا تبديل ولا تغيير. قال الله ﷻ :
إِنَّا خُنُّنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ ﴿٩﴾ سورة الحجر ١٥ : ٩
- ٤- وكون القرآن الكريم آخر الكتب المنزلة الذي ينسخ الأديان كلها. وقال الله ﷻ :
وَمَنْ يَتَّبِعْ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ سِوَا آلِ عِمْرَانَ ٣ : ٨٥